

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peratusan pelajar yang mengikuti aliran pembelajaran STEM pada ketika ini. Apakah faktor utama kurangnya minat pelajar terhadap aliran ini serta langkah-langkah Kementerian dalam memenuhi nisbah pelajar STEM yang telah ditetapkan iaitu 60:40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 2017 menunjukkan sebanyak 45.74 peratus murid mengikuti aliran pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pada peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5). Beberapa faktor telah dikenal pasti menyumbang kepada peratusan enrolmen yang agak rendah dalam aliran STEM berdasarkan dapatan Kajian Kesedaran STEM dalam Kalangan Murid, Guru, Pentadbir Sekolah dan Ibu Bapa yang dijalankan pada tahun 2017 oleh KPM.

Antara faktor kurangnya minat pelajar terhadap aliran ini adalah seperti berikut:

1. kurang pendedahan kepada murid tentang aliran sains tulen pada peringkat menengah atas dan pengaruh persekitaran yang kurang mendedahkan murid terhadap pelbagai peluang kerjaya dalam bidang STEM;
2. sikap murid terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik yang menganggap bahawa kedua-dua mata pelajaran ini sukar untuk dipelajari dan dikuasai;
3. latar belakang keluarga terutamanya ibu bapa tidak menekankan dan kurang menggalakkan pendidikan STEM kepada anak-anak;
4. keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) kurang memberangsangkan menyebabkan murid tidak layak mengikuti aliran STEM, terutamanya aliran sains tulen di peringkat menengah atas; dan
5. halangan kemudahan infrastruktur di sekolah, misalnya masih terdapat makmal yang berkeadaan daif dan kurang kondusif selain bahan dan peralatan makmal sains tidak mencukupi.

Pelbagai langkah telah dirangka untuk dilaksanakan bertujuan menangani situasi tersebut, termasuk menerusi Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025: Perkukuhan STEM, antaranya adalah:

1. Pelan Komunikasi Inisiatif STEM 2018 yang disebarikan melalui pelbagai platform dan medium, termasuk media sosial bagi memastikan maklumat tentang kepentingan pendidikan STEM dan peluang kerjaya dalam bidang STEM berupaya menjangkau pelbagai kumpulan sasaran, termasuk ibu bapa dan komuniti. Siri Jelajah Pendidikan – Dialog Dasar Pendidikan di beberapa zon

41

seluruh negara menyediakan slot khas bagi penataran maklumat berkaitan pendidikan STEM manakala rancangan TV Realiti Adiwira STEM yang diwakili kumpulan murid dari setiap negeri akan mula bersiaran di kaca televisyen pada bulan Jun 2018.

2. Penandaarasan kurikulum sains dan matematik negara maju bagi memastikan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah adalah setara dengan kurikulum negara maju. Melalui penggubalan kurikulum baharu, murid disediakan untuk menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi menghadapi pelbagai cabaran masa kini dan masa hadapan.
3. Menggalakkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Matematik berfikir melalui Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Projek.
4. Membangunkan modul PdP yang berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri.
5. Menggalakkan guru menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan pembelajaran berasaskan permasalahan (*problem-based learning*), pembelajaran berasaskan projek (*project-based learning*) dan pembelajaran berasaskan inkuiri (*inquiry-based learning*).
6. Kolokium Pendidikan STEM Tahun 2018 akan dijalankan di empat lokasi iaitu Sarawak, Sabah, Kelantan dan Perak. Peserta kolokium terdiri daripada pengetua, guru, SISC+, ibu bapa, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.